



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	14/7/2011

# Lima MoU kerjasama dimeterai

Malaysia, UK tumpu khidmat pengangkutan, latihan serta pendidikan



**M**ALAYSIA dan united Kingdom (UK) semalam menandatangani lima memorandum persefahaman (MoU) bagi mewujudkan kerjasama dalam pelbagai bidang membabitkan kerajaan kedua-dua, sektor swasta dan universiti terkemuka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang dalam lawatan rasmi lima hari ke UK menyaksikan majlis menandatangani perjanjian itu di Hotel Four Seasons di sini. Turut serta Setiausaha Negara bagi Perniagaan, Inovasi dan Kemahiran (BIS) UK, Dr Vince Cable yang sebelum itu mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri.

Turut hadir Menteri Luar, Datuk Anifah Aman; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Zahid Hamidi.

Perjanjian pertama membabitkan



NAJIB dan Vince berbual sebelum majlis menandatangani MoU di Hotel Four Seasons, London, semalam.

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dengan kerajaan UK dan Ireland Utara berhubung kerjasama perkhidmatan kereta api. Ia membabitkan kerjasama mempercepat pembangunan kereta api bandar di Malaysia seperti MRT di Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang serta perkhidmatan kereta api antara bandar seperti Projek Dua Landasan yang sedang diusahakan.

Turut ditandatangani adalah un-

tuk mempercepat pembangunan dan pengeluaran Fasa 3 Cendor Luar Pantai Semenanjung Malaysia antara PETRONAS dan Petrofac Limited, di bawah Perkhidmatan Suruhanjaya Pelabuhan (PSC), termasuk pembinaan blok di Desaru Barat.

MoU lain adalah:

- Kerjasama Latihan Teknikal dan Pembangunan Keupayaan antara PETRONAS dan Petrofac Li-

mited yang menjadikan kedua-dua rakan kongsi yang kukuh, di samping mewujudkan hubungan pengusaha perusahaan minyak dan gas untuk meningkatkan keupayaan industri dan memenuhi keperluan rakan kongsi berhubung tenaga latihan teknikal.

- Antara Universiti Warwick dan Universiti Pertahanan Malaysia bagi kerjasama menjalankan kursus Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan bagi program pertahanan dan keselamatan untuk tempoh enam tahun; dan

- Antara Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan Universiti Reading bagi menyediakan peluang mengukuhkan penyelidikan dan kerjasama akademik dalam bidang kejuruteraan cybernetic, perancangan bandar dan program pertukaran kakitangan dan pelajar di bawah Global Outreach Programme (GOP).

Najib juga menerima kunjungan Gabenor Bank Pusat Saudi, Mohamed Al Jaser diikuti kunjungan Pengerusi Lembaga Pengarah Standard Chartered, Sir John Peace.